

04/06/2000

Sukma VIII julang barisan Selangor

Lukman Salleh; Hussain Said; Rudy Sham Ab Raof
SELEPAS 10 hari, Sukan Malaysia (Sukma) VIII Pulau Pinang melabuhkan tirainya malam tadi dengan kontingen Selangor muncul juara keseluruhan - kali ketiga berturut-turut sejak temasya 1996 di Pahang.

Ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyempurnakan upacara penutup di Stadium Negeri, Batu Kawan, kontingen Selangor bermegah dengan sejumlah 53 emas, 56 perak dan 54 gangsa dan keseluruhannya menghimpun 673 mata - kelebihan 24 mata mengatasi saingan utamanya, Sarawak.

Kontingen Bumi Kenyalang sekali lagi terpaksa tunduk dengan menduduki tempat kedua dengan 49 emas, 55 perak dan 56 gangsa, dengan sejumlah 649 mata.

Perak di tangga ketiga dengan 46 emas, 37 perak dan 40 gangsa untuk meraih 521 mata, disusuli oleh tuan rumah, Pulau Pinang (34-26-36) dan Kuala Lumpur (33-32-30).

Bagi Selangor, ia adalah kejuaraan ketiga berturut-turut dan yang keempat keseluruhannya sejak Sukma diperkenalkan di Kuala Lumpur pada 1986.

Kali pertama Selangor muncul juara ialah dalam Sukma II di tempat sendiri apabila mengumpul sejumlah 26 emas, 17 perak dan 29 gangsa.

Selepas menyerahkan tampuk kejuaraan kepada Sarawak dalam Sukma III di Kuching dan menduduki tempat ketiga dalam Sukma IV dan V, Selangor bangkit merampas kembali singgahsana utama dalam temasya ke-VI dengan kelebihan satu emas dan berikutnya dua tahun lalu di tempat sendiri.

Bagi Sarawak pula, ini adalah kali keempat mereka muncul naib juara kepada Selangor bermula pada 1998 dan selanjutnya pada 1996, 1998 dan tahun ini.

Hakikatnya, kedua-dua pasukan masih lagi meneruskan dominasi mereka walaupun jurang dengan pasukan lain semakin rapat dan ini dibuktikan dengan Perak hanya kekurangan tiga emas kepada Sarawak.

Hasrat Sarawak untuk memintas Selangor pada hari terakhir semalam tidak berhasil apabila sekadar meraih tiga emas daripada sejumlah 26 emas yang dipertandingkan pada hari terakhir.

Selangor pula pastinya lega dengan kegagalan Sarawak kerana atlit gergasi Lembah Klang itu hanya meraih dua emas semalam - kedua-duanya melalui acara silat.

Emas terbanyak dipungut oleh Perak yang memenangi enam - tiga melalui acara silat, dua dalam bowling padang satu daripada acara terjun wanita.

Pahang dan Johor masing-masing menambah empat emas semalam sambil Melaka meraih dua emas manakala Perlis, Pulau Pinang, Masum, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur memungut satu emas yang ditawarkan pada hari terakhir.

Sementara itu, dua atlit renang, Allen Ong dari Perak dan Sia Wai Yen yang mewakili Kuala Lumpur, masing-masing dipilih sebagai olahragawan dan olahragawati Sukma VIII.

Daripada sejumlah 19 kontinjen yang bertanding, hanya Wilayah Persekutuan Labuan yang gagal meraih sebarang pingat.

(END)